

Ijāz al-Quran Dan Konsep Kesepadanan Dalam Terjemahan: Penelitian Dari Pandangan Sarjana Barat Dan Muslim

Ijāz Al-Quran And The Concept Of Equivalence In Translation: Studies From Western And Muslim Perspectives

Mukhlis Rosli¹, Nasimah Abdullah², Lubna Abd. Rahman³.

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
13 MAC 2020	27 MAC 2020	30 APRIL 2020

ABSTRAK

Badan berautoriti Malaysia khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan syarat khusus kepada mana-mana penerbitan terjemahan al-Quran untuk menyertakan bersama salinan teks asal al-Quran. Ini ekoran muncul beberapa usaha untuk menerbitkan terjemahan al-Quran tanpa teks asal bahasa Arab. Bagi mengenal pasti signifikan keberadaan teks asal al-Quran tersebut, maka kajian akan membuat tinjauan kepada pandangan sarjana Islam dan Barat terhadap konsep kesepadanan makna dalam terjemahan sebagai mana yang telah didefinisikan oleh Nida (1964) dan Catford (1965). Bentuk kajian menjurus kepada bentuk analisis deskriptif terhadap pandangan sarjana terjemahan moden dan sarjana awal Islam tentang konsep makna dalam terjemahan. Hasil tinjauan mendapati bahawa walaupun para sarjana Islam tidak membincangkan soal kebolehterjemahan secara menyeluruh sebagaimana yang dilakukan oleh sarjana barat, namun boleh dirumuskan bahawa pandangan cendekiawan muslim seperti al-Jahiz (1965) dan Ibn Qutaibah (1973) sedari kurun ke-8 adalah bertepatan dengan maksud umum kesepadanan terjemahan yang dibina Barat. Kajian menyarankan dalam proses penterjemahan al-Quran, penterjemah seharusnya berusaha sedaya upaya untuk memahami teks asal terlebih dahulu sebelum memindahkan ke dalam sesuatu teks sasaran. Di samping memanfaatkan semaksima mungkin ciri-ciri bahasa sasaran tersebut.

Kata Kunci: *Ijāz, Kesepadanan Terjemahan, Kebolehterjemahan, Terjemahan al-Quran, Teks Asal*

ABSTRACT

Malaysian authorities, especially the Ministry of Home Affairs (KDN) have set specific or standard requirements for any publication of the translation of Quranic meanings to include copies of original texts. This is due to a number of attempts to bring out a translation of the Quran without the Arabic text. In order to identify the significant presence of the original Arabic text of the Quran, hence the study will be focused through the views of Islamic and Western scholars on the concept of equivalence as was defined by Nida (1964) and Catford (1965). The study was conducted based on the descriptive analysis through the views of various modern translation scholars and early Islamic scholars on the concept of meaning. The survey found that eventhought Islamic scholars have not discuss the subject of translatability in detailed as was done by western scholars, however, it can be summarized that the views of Muslim scholars as al-Jahiz (1965) and Ibn Qutaibah (1973) since the 8th century is consistent with the general concept of equivalence that developed by Western scholars. The studies

¹ Mukhlis Rosli, Phd Candidate, KUIS, mukhlisrosli93@gmail.com

² Nasimah Abdullah, PhD, Department of Arabic Language and Linguistics Studies, KUIS, nasimah@kuis.edu.my

³ Lubna Abd. Rahman, PhD, Department of Major Language Studies, USIM, lubna@usim.edu.my

suggest in the process of translating, the translator should make an effort to understand the source text first before moving into a target text. Besides capturing the maximum possibilities of the features of the target language.

Keywords: *Ijāz, Equivalence in Translation, Translatability, Quranic Translation, Original Texts*

Pengenalan

Kitab al-Quran yang didasari dengan elemen *i'jāz* berjaya membataskan teks terjemahan sebagai suatu bentuk tafsiran semata-mata. Berbeza dengan kedudukan teks terjemahan Injil yang memperolehi taraf istimewa menyamai teks asal, termasuklah dari segi keautoritian dan kesucian. Pendirian Islam yang konsisten dengan tidak mengiktiraf teks terjemahan sebagai alternatif kepada teks asal al-Quran telah berhasil menjadikan status eksklusif pengertian al-Quran hanya terhad kepada teks asal wahyu berbahasa Arab (Akmal Khuzairy, 2016).

Berhubung kepentingan teks asal al-Quran, lebih-lebih lagi persoalan *i'jāz* yang berkait dengannya, maka badan berautoriti Malaysia khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan syarat khusus kepada mana-mana penerbitan terjemahan makna al-Quran untuk menyertakan bersama salinan teks asal al-Quran berbahasa Arab.

Langkah ini Selaras dengan keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Kali Ke-24 yang memutuskan bahawa adalah haram untuk ditulis atau digunakan mana-mana bahagian Al-Quran dengan tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan sistem tulisan Al-Quran (Bernama, 2016). Hal yang sama juga turut digariskan Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah pada persidangan Mei 2017 (JAKIM, 2017).

Meskipun demikian, terdapat beberapa usaha untuk menerbitkan teks al-Quran tanpa disertakan teks berbahasa Arab (Bernama, 2014, 2016; Syukri Yahya, 2014). Malah Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mewartakan perintah larangan terhadap dua puluh dua (22) penerbitan di mana separuh daripadanya adalah berpunca daripada terjemahan tanpa disertakan teks asal al-Quran (Rosmalis Anuar, 2017)

Justeru, bagi melihat rasional keberadaan teks sumber beserta teks terjemahan khususnya dalam kitab al-Quran, maka kajian ini akan membuat satu penelitian terhadap konsep kesepadanan (*equivalence*) dalam terjemahan berdasarkan pandangan sarjana Islam dan sarjana Barat.

Sorotan Literatur

Aspek kesepadanan makna (*equivalence*) merupakan perkara asas dalam menilai kualiti sesebuah terjemahan dan menjadi topik utama dalam dunia terjemahan. Bahkan merupakan konsep yang paling rumit dan penuh kontroversi dalam teori penterjemahan (Panou, 2013; Abdul-Raof, 2001; Leonardi, 2000; Catford, 1965; Wilss, 1982).

Konsep Kesepadanan (*equivalence*) dalam kerangka ilmu sains terjemahan merupakan suatu fenomena empirikal berdasarkan pemerhatian melalui hasil bandingan antara teks

sumber dengan teks sasaran (Catford, 1965: 27). Nida (1964: 166) pula memberi takrifan sebagai usaha untuk mencari padanan yang se hampir mungkin dengan mesej bahasa sumber.

Walau bagaimanapun muncul pertanyaan, apakah kayu ukur dalam mengenal pasti sesuatu teks telah mencapai padanan terjemahan atau sebaliknya. Rentetan itu, Lotfipour-Saedi (1990: 390) mengusulkan tujuh elemen dalam menilai bentuk padanan. Tujuh elemen tersebut adalah perbendaharaan kata, struktur, tekstual, makna petikan, jenis bahasa, kesan stilistik dan kesan kognitif.

Meskipun demikian, teks terjemahan al-Quran hanya dianggap sebagai tafsiran dan wadah untuk memahami bahasa al-Quran. Abdul-Raof (2001: 1) dalam bukunya *Qur'an Translation: Discourse, Texture and Exegesis* menyatakan bahawa terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi keadaan tersebut. Pertama disebabkan struktur dan ungkapan asalnya yang tidak mampu untuk dihasilkan. Kedua, ia merupakan kalam Allah yang mengandungi mukjizat ilahi. Ekoran itu, Abdul-Raof merumuskan bahawa teks al-Quran tidak boleh dihasilkan melalui terjemahan meskipun sejauh mana padanan dan kepakaran penterjemah dalam bidang tersebut.

Pandangan Abdul-Raof mendapat kritikan dari beberapa sarjana. Leal & Snell-Hornby (2013: 153) mengkritik Abdul-Raof yang gagal menjawab persoalan adakah ketidakbolehan terjemahan tersebut hanya terbatas kepada teks al-Quran semata-mata, walhal kekangan tersebut turut berlaku dalam mana-mana terjemahan dan komunikasi secara umum. Namun, persoalan dari Leal & Snell-Hornby (2013) tersebut sebenarnya berbalik kepada konsep *i'jaz* yang mendasari teks suci al-Quran dan turut memberi kesan kepada konsep kesepadanan terjemahan.

Metodologi kajian

Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan berbentuk kualitatif dengan membuat penelitian terhadap konsep kesepadanan makna yang dipelopori oleh sarjana moden Barat dengan konsep *i'jaz* yang mendasari teks al-Quran. Perbincangan ini akan menjurus kepada bentuk analisis secara deskriptif. Analisis deskriptif adalah situasi di mana penulis cuba memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada (Syed Arabi Idid, 2002: 4).

Konsep Makna dalam Terjemahan

Pada abad ke-19, sarjana linguistik seperti Von Humboldt, Schlegel, Schleiermacher dan Schadewaldt melihat setiap bahasa mempunyai cakupan luas tersendiri yang tidak mampu diukur oleh individu. Lantaran itu, teori terjemahan pada ketika itu hanyalah berkisar kepada dua bentuk kebarangkalian, iaitu terjemahan yang cenderung kepada bahasa dan budaya sumber. Kedua, iaitu terjemahan yang memihak kepada bahasa dan budaya sasaran. Kedua-dua aliran ini menjurus kepada haluan masing-masing dan tidak wujud aliran pertengahan antara kedua-duanya (de Pedro, 1999: 547).

Gambaran situasi berikut dapat diperhatikan menerusi surat yang diutuskan Von Humboldt kepada A.W. Schlegel pada 23 Julai 1796 (Wilss, 1982: 35):

“All translation seems to me simply an attempt to solve an impossible task. Every translator is doomed to be done in by one of two stumbling blocks: he will either stay too close to the original, at the cost of taste and the language of his nation, or he will adhere too closely to the characteristics peculiar to his nation, at the cost of the original. The medium between the two is not only difficult, but downright impossible”

Kajian penterjemahan sebelum kurun ke-20 hanya terbatas kepada terjemahan literal (*literal translation*) dan terjemahan bebas (*free translation*) (Newmark, 1994: 60). Kemudian akhir tahun 1930 menyaksikan bidang terjemahan mula dipisahkan dari amalan linguistik dan mempunyai genre tersendiri (Ghanooni, 2012; Venuti, 2000). Meskipun terjemahan secara praktikalnya telah lama wujud, namun bidang ini mula terbentuk sebagai satu disiplin akademik ialah pada separuh kedua abad ke-20. Sebelum daripada itu terjemahan hanyalah sebagai salah satu elemen pembelajaran bahasa dalam pengajian bahasa moden (Munday, 2008: 7).

Konsep persamaan makna yang menjadi perbincangan pada masa itu mula diselubungi keraguan apabila munculnya hipotesis Sapir & Whorf dalam teori linguistik relatif pada separuh abad pertama ke-20. Hipotesis tersebut mencambahkan pandangan bahawa adalah suatu yang mustahil untuk terjadinya persamaan makna antara bahasa yang berbeza jika budaya dan masyarakat berbeza. Kesannya sekitar tahun 50 dan 60-an, konsep “persamaan makna” ini mula diganti ataupun diambil alih dengan konsep “kesepadanan makna” (Akmal Khuzairy, 2016: 20). Konsep kesepadanan makna ini dapat difahami sebagai keadaan di mana terjemahan harus memiliki makna yang terdekat dengan bahasa sumber agar makna teks asal dapat disampaikan kepada pembaca teks sasaran.

Kebanyakan sarjana terjemahan telah membincangkan konsep kesepadanan makna ini secara panjang lebar dalam buku-buku mereka, termasuklah Nida (1964), Catford (1965), Wilss (1982) dan Bassnett-McGuire (1992). Tidak dapat dinafikan bahawa konsep kesepadanan ini merupakan suatu perbincangan yang amat sinonim dalam terjemahan. Ia sesuatu yang diperlukan bagi membantu proses terjemahan agar berjalan dengan lancar. Tanpa kesepadanan dalam aspek tertentu maka terjemahan tersebut tidak akan mencapai tahap terjemahan yang baik (Yinhua, 2011: 171).

Sungguhpun demikian, kesepadanan sempurna menurut Bell (1991: 6) adalah suatu perkara yang tidak nyata disebabkan setiap bahasa mempunyai kod dan peraturan tersendiri yang mengawal struktur tatabahasa. Setiap bentuk daripadanya akan memuat makna yang berbeza-beza. Permasalahan ini akan menjadi lebih ketara apabila penterjemah lebih memfokuskan terhadap perbezaan struktur dan terminologi bahasa berbanding kebolehan bahasa dalam menterjemah mesej (Jakobson, 2000: 114).

Konsep *Ijāz* yang Mendasari Kitab al-Quran

al-Quran adalah wahyu yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w bertujuan memberi panduan dan mengandungi dalamnya kemukjizatan (Al-Zarkasyi, 1990: 138). Dari sudut terminologi atau istilah, perkataan *i'jaz* merujuk kepada suatu perkara yang menyalahi kebiasaan atau cabaran yang tidak boleh ditandingi (Al-Tahanawi, 1996: 1575). Ia

menggambarkan kelemahan manusia untuk menghasilkan sebagaimana yang diturunkan oleh Allah s.w.t (Al-Qurthubi, 2006: 112).

Hisham Hariz (2006) menerusi kajiannya menemui sejumlah empat puluh satu (41) bentuk *ijāz* al-Quran yang telah dikemukakan dari pelbagai cendekiawan Islam. Seterusnya beliau merumuskan bahawa sebahagian besar daripada bentuk *ijāz* tersebut saling berkait antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, majoriti ulama bersepakat dalam menetapkan *ijāz bayānī* sebagai satu bentuk *ijāz* terpenting yang terkandung di dalam al-Quran.

Ijāz bayānī yang menyentuh kepada aspek bahasa adalah satu-satunya elemen yang boleh diperolehi dalam keseluruhan ayat suci al-Quran, malah bermula dari ayat pertama hinggalah ayat yang terakhir. Berbeza dengan aspek lain seperti perkhabaran ghaib mahupun *ijāz* pensyariatan, kedua-duanya tidak boleh merangkumi keseluruhan ayat al-Quran tetapi hanyalah pada bahagian-bahagian tertentu.

Bertitik tolak daripada persoalan *ijāz* tersebut, sarjana Islam sejak dari awal telah membicarakan soal ketidakboleh terjemahan (*untranslatability*) dalam menyampaikan makna sebahagian teks sumber, antara sarjana awal yang menyentuh tentang perkara ini termasuklah al-Jahiz (1965), ibn Qutaibah (1973) dan al-Shatibi (1997).

al-Jahiz (1965: 75) yang hidup sedari awal kurun ke-8 merupakan sarjana terawal yang membicarakan tentang terjemahan. Menerusi kitabnya *al-Hayawān*, beliau menegaskan bahawa terjemahan tidak akan sama sekali dapat menjangkau makna sebenar keindahan dan keunikan teks asal al-Quran. Selanjutnya Ibn Qutaibah (1973: 79) yang hidup sezaman dengan al-Jahiz (1965) turut menjelaskan ketidakbolehan terjemahan dalam menyampaikan maksud sebenar teks, terutamanya apabila membabitkan makna *majāzī*.

Manakala al-Shatibi (1997: 105-107) membahagikan makna kepada dua kategori. Kategori pertama merupakan *dilālat al-aslīah* iaitu yang boleh diterjemahkan secara mutlak dan tidak menghadapi sebarang kesukaran. Manakala kategori kedua merupakan *dilālat al-tābi'ah* yang boleh dikategorikan sebagai makna implisit atau makna kedua. Beliau berpandangan bahawa makna dalam kategori kedua ini tidak mungkin dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, apatah lagi apabila melibatkan teks asal al-Quran.

Justifikasi pandangan sarjana awal Islam tersebut sebenarnya adalah bertitik tolak dari konsep *ijāz* yang mendasari latar belakang kitab suci al-Quran. Malah dari konsep tersebut juga telah berjaya membataskan status teks terjemahan al-Quran kepada bentuk tafsiran semata-mata.

Pengaruh Konsep Kesepadanan dalam Terjemahan al-Quran

Sesuatu yang wajar diketengahkan bahawa adalah mustahil untuk terjadi kesepadanan mutlak (*absolute equivalence*). Implikasi proses terjemahan teks sumber ke dalam teks sasaran akan menimbulkan kehilangan makna yang tertentu. Jumlah atau kesan kehilangan tersebut bergantung kepada faktor-faktor tertentu (Aldahesh, 2014: 43).

Lantaran itu, terjemahan dianggap sebagai proses “pemindahan makna” dari sesuatu bahasa ke sesuatu bahasa sasaran lain, bukan sebaliknya iaitu proses “pemindahan perkataan” dari sesuatu bahasa ke dalam bahasa yang lain (Syed Nurulakla Syed Abdulllah, 2013).

Begitu juga dalam terjemahan al-Quran yang tidak boleh dianggap sebagai salinan asli yang menyamai teks asal dalam kesemua ciri, tetapi merupakan wadah terhad yang hanya memungkinkan pemindahan makna untuk berlaku. Meskipun tidak dinafikan pemindahan sebahagian makna masih mampu untuk dicapai (Akmal Khuzairy, 2016).

Persoalan yang timbul disini ialah sejauh manakah penterjemah al-Quran mampu memenuhi kesemua padanan terjemahan. Bagi menjawab permasalahan ini, Abdul-Raof (2001: 8) mengusulkan lapan jenis peringkat kesepadanan (*lihat rajah 1*) dan beliau berpandangan bahawa teks terjemahan al-Quran tidak berupaya memenuhi kesemua peringkat kesepadanan tersebut.

Rajah 1: Jenis Peringkat Kesepadanan Abdul-Raof (2001: 8)

Peringkat kesepadanan	Teori dan Pendekatan
Linguistik (teks)	Nida (1964) " <i>formal equivalence</i> " Catford (1965)
Budaya	Larson (1984) Newmark (1981)
Stilistik	Popovic (dlm. Bassnett, 1991) Bell (1991)
Semantik (kandungan)	Kade (1968) Nord (2005)
Struktur (tekstualiti)	Filipec 1971 (dlm. Snell-Hornby, 1995) Reiss 1971 (dlm. Snell-Hornby, 1995) Wilss (1982) Koller (1983) Neubert (Neubert, 1985) Hatim & Mason (1992) Neubert & Shreve (1992)
Respon (kesan)	Nida (1964) Nida & Taber (1982) Newmark (1981) Adab (1996)
Komunikatif	Beaugrande (1978) Neubert & Shreve (1992)
Fungsi	Nida & Taber (1982) Kuepper (1977) House (1977) de Waard and Nida (1986) Newmark (1991)

Berdasarkan pembahagian Abdul-Raof tersebut, El-hadary (2008: 14) merumuskan bahawa halangan utama yang perlu dihadapi penterjemah dalam terjemahan teks al-Quran bahasa Arab ialah dari bentuk linguistik, retorik, stilistik dan ciri fonetik al-Quran.

Misalnya ciri fonetik al-Quran yang serupa dari permulaan hingga penghujung ayat seperti yang terkandung dalam surah al-Ikhlâs, al-Falaq, dan al-Nas merupakan suatu bentuk

terjemahan yang mustahil untuk berlaku. Manakala ciri leksis al-Quran pula yang ringkas tetapi padat dengan makna menyebabkan sesuatu perkataan tidak mampu diterjemahkan melainkan dengan ayat dan huraian yang panjang (Akmal Khuzairy, 2016: 34, 35).

Walaupun dalam konteks terjemahan Bible, Chatzitheodorou (2001: 2) menyarankan kepada penterjemah agar berusaha sedaya upaya untuk memahami teks asal terlebih dahulu sebelum memindahkannya ke dalam sesuatu teks sasaran. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Nida dan Taber (1982: 4) bahawa pemindahan makna boleh berlaku sekiranya penterjemah cuba memelihara ciri-ciri bahasa sasaran dan memanfaatkannya secara optimum dan semaksima mungkin.

Dalam proses terjemahan, Khalaf (2016) merumuskan bahawa terjemahan kitab agama yang sarat dengan ciri retorik tidak hanya memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang agama tetapi memerlukan kepada pengetahuan budaya dan bahasa. Manakala Mohd Bakhr Abdullah (1999) pula telah menggariskan enam syarat khusus dalam penterjemahan teks agama. Iaitu memelihara makna istilah dan terjemahan lafaz suci, memberi perhatian kepada hukum hakam, menjalin kesinambungan, merujuk sumber lain yang berkait serta merujuk kepada penulis asal dalam keadaan tertentu.

Kesimpulan

Terjemahan sebelum kurun ke-20 hanya terbatas kepada terjemahan literal (*literal translation*) dan terjemahan bebas (*free translation*). Teori terjemahan yang muncul hanya berkisar kepada kepada dua kebarangkalian. Pertama terjemahan yang cenderung kepada bahasa dan budaya sumber. Kedua, terjemahan yang cenderung kepada bahasa dan budaya sasaran. Kedua-dua aliran ini menjurus kepada haluan masing-masing dan tidak wujud aliran pertengahan antara kedua-duanya

Manakala Kitab al-Quran yang didasari dengan elemen *ijāz* telah berjaya membataskan teks terjemahan sebagai satu bentuk tafsiran semata-mata. Walaupun sarjana Islam tidak membincangkan soal kebolehterjemahan (*translatability*) secara menyeluruh sebagaimana sarjana Barat, namun boleh dirumuskan bahawa pandangan cendekiawan muslim seperti al-Jahiz (1965) dan Ibn Qutaibah (1973) sedari kurun ke-8 adalah bertepatan dengan maksud umum kesepadanan terjemahan yang telah dibina oleh Barat sepanjang kurun ke-20.

Dalam pada itu, halangan utama dalam terjemahan teks al-Quran ialah dari bentuk linguistik, retorik, stilistik dan ciri fonetik al-Quran. Sehubungan itu, penterjemah dinasihatkan supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami teks asal terlebih dahulu sebelum melakukan pemindahan ke bentuk teks sasaran. Di samping memanfaatkan secara optimum ciri-ciri yang terdapat pada sesuatu bahasa sasaran.

Rujukan

- Abdul-Raof, H. (2001). *Qur'an Translation: Discourse, Texture and Exegesis* (Cet.1, Vol. 4). <https://doi.org/10.3366/jqs.2002.0008>
- Adab, B. J. (Beverly J. (1996). *Annotated Texts for Translation : English-French*. Multilingual Matters.
- Akmal Khuzairy. (2016). Perbezaan Status Terjemahan Al-Quran Berbanding Dengan Teks

- Asalnya Dari Perspektif Pengkajian Terjemahan Moden. *Jurnal Penterjemah*, 19(2), 19–39.
- Al-Jahiz, A. U. amru. (1965). *Kitāb al-Hayawān* (Cet. 2; A. S. Muhammad Harun, ed.). Mustafha al-Halabi.
- Al-Qurthubi, M. (2006). *al-Jāmi' li-Ahkām al-Quran* (Cet.1; A. Abdullah, ed.). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Shatibi, I. bin M. (1997). *al-Muwāfaqāt* (Abu Ubaidah, ed.). Dar Ibn Affan.
- Al-Tahanawi, A. (1996). *Mawsu'ah Kashshaf Istilah al-Funun wa al-'Ulum*. Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Al-Zarkasyi, B. M. (1990). *Al-Burhān fī Ulūm al-Qurān* (Cet. 3; M. A. F. Ibarahim, ed.). Qaherah: Dar al-Turath.
- Aldahesh, A. Y. (2014). (Un)Translatability of the Qur'ān A Theoretical Perspective.pdf. *International Journal of Linguistics*, 6(6), 23–45.
- Bassnett-McGuire, S. (1992). Review Translation Studies. In *Ilha do Desterro A Journal of English Language, Literatures in English and Cultural Studies* (Revised Ed, Vol. 0).
- Bassnett, S. (2002). *Translation studies* (Cet.3). London and New York: Routledge.
- Beaugrande, R. de. (1979). Factors in a Theory of Poetic Translating. *Equivalences*, 10(3), 92–94.
- Bell, R. T. (1991). Translation and Translating- Theory and Practice. In *Ann.Oto Laryng*. (Cet.2, Vol. 91). Singapore: (Pte) Ltd.
- Bernama. (2014, November 19). Terjemahan Al-Quran Tanpa Ayat Asal Diharamkan - Harussani. *Astro Awani Online*. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/terjemahan-al-quran-tanpa-ayat-asal-diharamkan-harussani-48691>
- Bernama. (2016). KDN akan tubuh Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadis - Ahmad Zahid. *Bernama News*.
- Catford, J. . (1965). *A Linguistic Theory of Translation*. London: Oxford University Press.
- Chatzitheodorou, I. (2001). Bible Translation. *Translation Journal*, 5(4).
- de Pedro, R. (1999). The Translatability of Texts: A Historical Overview. *Meta: Journal Des Traducteurs*, 44(4), 546. <https://doi.org/10.7202/003808ar>
- de Waard, J. ., & Nida, E. A. (Eugene A. (1986). *From one language to another : functional equivalence in Bible translating*.
- El-hadary, T. H. (2008). *Equivalence and Translatability of Qur'anic Discourse: A Comparative and Analytical Evaluation*. University of Leeds, School of Modern Languages and Cultures.
- Ghanooni, A. R. (2012). A Review of the History of Translation Studies. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(1), 77–85. <https://doi.org/10.4304/tpls.2.1.77-85>
- Hatim, B., & Mason, I. (1992). *Discourse and the Translator*. London and New York: Longman.
- Hisham Hariz, S. M. (2006). *Nazarāt min al-I'jāz al-Bayānī fī al-Qur'ān al-Karīm*. Amman-Jordan: Dar al-Syuruq.
- House, J. (1977). *Translation Quality Assessment*. Tübingen : TBL-Verlag Narr.
- Ibn Qutaibah. (1973). *Ta'wīl Mushkil al-Qur'an* (Cet.2; As said Ahmad Saqr, Ed.). Kaherah: Maktabah Ibn Qutaibah.
- JAKIM. (2017). Pandangan hukum yang diputuskan di peringkat Jawatankuasa Muzakarah MKI dan Jawatankuasa Kuasa Fatwa Negeri-Negeri. Retrieved from e-Sumber Maklumat Fatwa website: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>
- Jakobson, R. (2000). On Linguistic Aspects of Translation. In L. Venuti (Ed.), *The translation studies reader* (cet. 1, pp. 113–118). London and New York: Routledge.
- Kade, O. (1968). *Zufall und Gesetzmäßigkeit in der Übersetzung*. Leipzig: Verl. Enzyklopädie.

- Khalaf, M. H. (2016). *Translation of Explicit Quranic Proverbs and Their Rhetorics Into English*. Universiti Sains Malaysia.
- Koller, W. (1983). *Einführung in die Übersetzungswissenschaft*. Heidelberg: Quelle & Meyer.
- Kuepper, K. J. (1977). Literary Translation and the Problem of Equivalency. *Meta: Journal Des Traducteurs*, 22(4), 243. <https://doi.org/10.7202/003357ar>
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-Based Translation: a Guide to cross- language equivalence*. New York: University Press of Amerika.
- Leal, A., & Snell-Hornby, M. (2013). Book Review: Lynne Long (ed.) *Translation and Religion: Holy Untranslatable? Across Languages and Cultures*, 14(1), 149–154. <https://doi.org/10.1556/acr.14.2013.1.7>
- Leonardi, V. (2000). Equivalence in Translation: Between Myth and Reality. *Translation Journal*, 4(4), 1–11.
- Lotfipour-Saedi, K. (1990). Discourse Analysis and the Problem of Translation Equivalence. *Meta: Journal Des Traducteurs*, 35(2), 389–397.
- Mohd Bakhir Abdullah. (1999). al-Tarjamah min al-Lughah al-‘Arabiyyah ila al-Lughah al-Māliziyah; Ba’d al-I’tibārāt al-Lughawiyah. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke- 7*, 403–418. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Munday, J. (2008). *Introducing Translation Studies: Theories And Applications (Cet.2)*. London and New York: Routledge.
- Neubert, A. (1985). *Text and translation*. Leipzig.
- Neubert, A., & Shreve, G. M. (1992). *Translation as text*. Kent State University Press.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation Newmark*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Newmark, P. (1991). *About translation*. Sydney: Multilingual Matters.
- Newmark, P. (1994). *Pendekatan Penterjemahan (Terjemahan Zainab Ahmad & Zaiton AB. Rahman, Ed.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E. A. (1964). *Towards a Science of Translating*. Leiden: Brill.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1982). *The Theory and Practice of Translation (Cet.2)*. Leiden: E. J. Brill.
- Nord, C. (2005). *Text Analysis in Translation: Theory, Methodology, and Didactic Application of a Model for Translation-oriented Text Analysis (Cet.2)*. Amsterdam - New York: Rodopi.
- Panou, D. (2013). Equivalence in Translation Theories: A Critical Evaluation. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(1), 1–6. <https://doi.org/10.4304/tpls.3.1.1-6>
- Rosmalis Anuar. (2017). KDN keluar perintah larangan 22 penerbitan. *Bernamea News*.
- Snell-Hornby, M. (1995). *Translation Studies: An integrated approach*. <https://doi.org/10.1075/z.38>
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Nurulakla Syed Abdulllah. (2013). A Workshop on ‘Translation for Amateurs’ – A case Study. *International Conference on Translation, & Asian Translators’ Forum*, 11.
- Syukri Yahya. (2014, November 19). Wujud Cubaan Terjemah al-Quran Hanya dalam Bahasa Melayu. *Utusan Online*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/wujud-cubaan-terjemah-al-quran-hanya-dalam-bahasa-melayu-1.26482>
- Venuti, L. (2000). *The Translation Studies Reader (Cet.1)*. London and New York: Routledge.
- Wilss, W. (1982). *The Science of Translation: Problems and Method*. Tübingen: Narr.
- Yinhua, X. (2011). Equivalence in Translation: Features and Necessity. In *International Journal of Humanities and Social Science (Vol. 1)*.